

15/10/2001

Wartawan AP beri tafsiran salah boleh kena tindakan

KUALA LUMPUR, Ahad - Wartawan Associated Press (AP) yang menulis laporan tidak betul mengenai kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 8 atau Seksyen 13 Akta Penerbitan dan Mesin Cetak 1984.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata berdasarkan penelitiannya, jelas menunjukkan laporan AP itu bertentangan dengan fakta sebenar dan mempunyai niat jahat.

"Akta berkenaan berkaitan dengan berita palsu. Saya akan lihat perkara ini dengan lebih dekat lagi dan kalau perlu akan mengemukakan pendirian kerajaan kepada Peguam Negara.

"Bagaimanapun, ada dua perkara yang perlu kita ambil kira jika ingin mengambil tindakan undang-undang iaitu keperluan mengambil tindakan terhadap mereka dan jika ingin ambil tindakan, apakah ia perlu disegerakan atau tidak," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai tindakan agensi berita berkenaan dan wartawannya, Sean Yoong yang mengaku memberikan tafsiran yang salah kepada kenyataan Perdana Menteri, tetapi enggan memohon maaf berikutan kesalahan itu.

Dalam laporan yang ditulis Yoong pada 8 Oktober lalu, beliau membuat tafsiran yang salah mengenai kenyataan Dr Mahathir berhubung serangan terhadap Afghanistan yang diketuai Amerika Syarikat.

Berita Minggu hari ini pula melaporkan Perdana Menteri kesal kerana ada pihak cuba mengeruhkan hubungan antara Malaysia dan Amerika, termasuk menyalahafsirkan kenyataan beliau berikutan serangan udara Amerika dan sekutunya terhadap Afghanistan.

Bagaimanapun, Dr Rais berkata beliau belum dapat membuat keputusan kerana perkembangan semasa kini yang kurang baik iaitu ketika keadaan perang di Afghanistan.

"Namun, saya akan meminta pandangan Kabinet terlebih dulu sebelum mengambil sebarang tindakan," katanya.

Mengenai dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam edisi terbaru majalah Time bahawa kerajaan menjadikan isu serangan pengganas di Amerika untuk menahan mereka yang dianggap menentang pemerintah, Dr Rais berkata:

"Anwar cuba menarik perhatian terhadap dirinya dan dalam keadaan pendirian kerajaan menentang keganasan, kenyataan itu hanya akan mengeruhkan keadaan. Tindakan membanteras keganasan bukan membabitkan kepentingan individu tetapi terhadap keselamatan negara dan orang awam," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Biro Hal Ehwat Antarabangsa Umno, Shaziman Abu Mansor berkata tindakan agensi berita asing melaporkan berita berat sebelah serta cuba memutarbelitkan fakta membuktikan sikap tidak beretika dan cuba mengeksplotasi negara.

"Bukan sekali agensi berita asing bersikap sedemikian. Mereka sering memaparkan perkara negatif dan bertentangan dengan apa yang diperkatakan pemimpin kita dan negara yang membangun lain.

"Keangkuhan media berkenaan juga lambat-laun akan menggugat kredibiliti media berkenaan pada pandangan orang ramai dan seluruh dunia," katanya.

(END)